



Peringkat akhir Akademi Sastera 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dari kiri, Rabi'atuladawiyah, Saifullizan, Engku Nurshafarahim dan Syahirah.

» Program semakin mantap selepas lima tahun penganjuran

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bharian.com.my

Kajian Konflik Etika Ekologi dalam Gelora Belantara: Satu Analisis Teori Sastera membawa tuah kepada mahasiswa Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Rabi'atuladawiyah Md Salleh, pada pertandingan akhir Akademi Sastera 2012, apabila muncul sebagai johan.

Beliau membawa pulang

RM3,000 dan piala pusingan, peserta Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Nurul Nazerah Nazari muncul pemenang kedua (RM 2,500), manakala mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Kasmaizun Enuni Mohd Sarji meraih tempat ketiga (RM1,500).

Rabi'atuladawiyah menerima bimbingan daripada Pensyarah ASWARA, Azman Ismail, pada Pertandingan Akademi Sastera Edisi ke-5 yang dianjurkan sejak 2008 dan mirip program realiti hiburan yang memerlukan peserta dikuarantin selama tiga hari untuk mengikuti Bengkel Bimbingan Akademi Sastera.

Pada bengkel berkenaan mereka mendapat bimbingan daripada seorang mentor dan tenaga pengajar profesional dalam kalangan tokoh penulis, pensyarah bahasa, sastera mahupun penulisan, bagi membantu mereka menghasilkan makalah berhubung teks sastera pilihan dengan menerapkan teori dan kritikan.

“**Saya sangat menggemari subjek kesusasteraan dan berpendapat orang sastera sebagai kelompok bijak pandai yang mempunyai kuasa untuk menakluk dunia dengan berperang menggunakan mata pena**”

Rabi'atuladawiyah Md Salleh
Mahasiswa ASWARA

Akademi Sastera 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang berjaya menarik perha-

tian mahasiswa daripada 18 institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta dan hanya lapan penyelidikan terbaik dipilih ke peringkat akhir.

Mereka yang berjaya ke peringkat akhir ialah Nurul Suhada Juraimi dari Universiti Sains Islam Malaysia, Engku Nurshafarahim Engku Rahim (Universiti Pendidikan Sultan Idris), Syahirah Rahmam (Universiti Teknologi Petronas), Ahmad Sayuti Mohd. Yusob (Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sire a/p Etum (Universiti Utara Malaysia).

Rabi'atuladawiyah, 35, yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang penulisan kreatif, ketika ditemubual Sastera BH berkata, usahanya hampir setahun untuk menyiapkan makalah berkenaan ternyata berbaloi apabila dipilih sebagai pemenang hadiah utama Akademi Sastera 2012.

“Saya sangat menggemari subjek

kesusasteraan dan berpendapat orang sastera sebagai kelompok bijak pandai yang mempunyai kuasa untuk menakluk dunia dengan berperang menggunakan mata pena. Saya memilih Gelora Belantara karya Razali Endun sebagai teks kerana ia mengangkat alam sekitar," katanya pada acara di Menara DBP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tahun ini, sesi kritikan daripada juri profesional turut diadakan selepas setiap pembentangan lapan peserta akhir dan diterajui Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Rosnah Baharudin, selaku ketua juri Akademi Sastera 2012.

Dr Rosnah pada ucapan pengumuman juri berkata, secara keseluruhannya peserta akhir Akademi Sastera 2012 berjaya menghasilkan makalah bermutu, meskipun masih memerlukan penambahbaikan dan bimbingan secara berterusan bagi memantapkan pemahaman mereka mengenai dunia kesusasteraan.

"Prestasi makalah yang dihasilkan peserta Akademi Sastera 2012 pada tahun ini membanggakan, tetapi juri berharap pada masa akan datang, peserta memilih teks sastera terkini yang sedang mendapat perhatian masyarakat ataupun karya nukilan Sasterawan Negara (SN) yang naskhahnya terbukti bermutu," katanya pada acara

yang dihadiri hampir 400 khalayak dalam kalangan penggiat sastera tempatan, pelajar dan mahasiswa.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, KPT, Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa berkata, KPT dan DBP akan memikirkan kaedah sesuai bagi menerbitkan makalah mahasiswa yang berjaya ke peringkat akhir memandangkan sehingga kini sudah 15 makalah memenangi hadiah utama.

Penerbitan makalah pemenang Akademi Sastera dari 2008 hingga 2012 mampu meningkatkan semula bilangan pengkaji dan pengkritik karya sastera tanah air yang memerlukan barisan pelapis," katanya yang berharap lebih banyak program seumpama itu diadakan pada masa depan demi memartabatkan karya sastera.



Juara Akademi Sastera 2012, Rabi'atuladawiyah Md Salleh, ASWARA.